

# HAPUSKAN



**Lipas boleh menyebarkan penyakit seperti keracunan makanan, cirit-birit, disenteri dan alahan kulit**

## Bahaya Lipas

Lipas mempunyai tabiat buruk iaitu mengeluarkan semula makanan yang separuh hadam dan meninggalkan najis sambil makan. Bulu kakinya pula mengangkat dan menyebarkan **kuman, virus, telur cacing, kulat dan kotoran** di merata-rata tempat. Selain dari itu, lipas yang telah berkeliaran di tempat najis boleh mencemarkan makanan apabila merayap ke atas makanan tersebut.

## Tempat Pembelahan

Lipas boleh didapati di tempat yang kotor umpamanya saluran kumbahan, tempat pembuangan sampah dan premis makanan yang kotor. Ia juga bersembunyi di dalam almari dapur, tangki najis dan di mana-mana tempat lembap dan terselindung dari cahaya.

## Cara Kawalan

Pencegahan adalah kunci untuk menangani masalah lipas. Beberapa langkah pencegahan termasuklah:

- Elakkan kemasukan lipas ke premis anda dari bangunan berhampiran dengan menutup ruang dan lubang yang boleh dilalui lipas
- Kebersihan premis perlu dijaga
- Elakkan sisa makanan bertaburan
- Tutup tong sampah
- Cuci peralatan dapur dengan segera selepas digunakan
- Simpan semua bahan makanan di tempat bertutup yang tidak boleh dimasuki lipas
- Kawalan secara semburan amat berkesan tetapi mesti digunakan dengan betul
- Mendapatkan nasihat pihak berkuasa sekiranya keadaan tempat anda tidak dapat dikawal dari ancaman lipas

